

## Dakwaan Fauzi: MT akan tentukan bentuk tindakan

IPOH 7 April – Majlis Tertinggi (MT) UMNO akan menentukan tindakan yang boleh diambil berhubung isu-isu yang didedahkan oleh Ketua UMNO bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman selepas siasatan mengenainya selesai kelak.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti telah mengadakan siasatan dan sedang menunggu laporan mengenainya selesai.

“Kita sudah adakan siasatan, kita tunggu sehingga siasatan itu selesai.

“Apabila kita dapat laporan, pada masa itu, kita akan timbang laporan itu dan kita akan tentukan apakah tindakan yang sewajarnya,” katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini, hari ini.

Semalam, Fauzi menemui tiga ahli jawatankuasa khas yang dibentuk oleh UMNO bagi menyiasat dakwaannya melibatkan beberapa tokoh parti, termasuk Tan Sri Khalil Yaakob baru-baru ini.